sedia ada iaitu menghadkan pembelian rumah kepada warga asing iaitu RM3 juta ke atas tanah dan RM1 juta untuk kondominium.

Jagdeep berkata, kerajaan negeri akan menilai semula cadangan penurunan harga pemilikan hartanah asing yang diumumkan kerajaan itu.

Katanya satu perbincangan mengenai perkara itu akan dibuat dalam Mesyuarat Exco negeri minggu hadapan.

Menurut pembentangan Belanjawan 2020 itu, langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual.

Lambakan itu dianggarkan berjumlah RM8.3 bilion pada suku kedua tahun 2019.